

04 JUN 1998

Mahathir-nuklear

DR MAHATHIR TEGUR NEGARA KUASA NUKLEAR BUAT RIUH

Oleh: Michael Raj

TOKYO, 4 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar negara-negara kuasa nuklear yang membantah ujian nuklear oleh India dan Pakistan baru-baru ini padahal mereka sendiri mempunyai senjata nuklear.

"Saya tahu terdapat negara-negara yang mempunyai kemampuan nuklear tetapi tidak dikenakan tindakan, namun mereka riuh mengenai ujian oleh dua negara Asia selatan itu.

"Marilah kita kenakan sekatan terhadap semua negara nuklear," kata Perdana Menteri ketika diminta menjelaskan pendirian Malaysia mengenai ujian oleh India dan Pakistan, pada sesi soal jawab di persidangan antarabangsa Nikkei mengenai "Masa Depan Asia" di sini hari ini.

Dr Malaysia berkata pendirian Malaysia berhubung senjata nuklear amat jelas, iaitu ia membantah senjata nuklear, tidak kira siapa yang memilikinya.

Bulan lepas India menjalankan lima ujian nuklear dan Pakistan enam dan ini dikutuk di merata dunia dan mendorong Amerika Syarikat dan Jepun mengenakan sekatan terhadap kedua-dua negara itu.

Amerika Syarikat merupakan negara yang memperkenalkan kepada dunia bencana senjata nuklear apabila ia melepaskan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki pada Perang Dunia Kedua.

Jepun sebagai negara yang menerima kesan bom itu dengan ramai daripada rakyatnya terkorban, telah mempelopori usaha bagi menghapuskan penggunaan senjata nuklear.

Dr Mahathir berkata: "Kita perlu hapuskan senjata pembawa bencana ini tetapi dunia harus bersatu dalam soal ini."

Perancis menjalankan ujian nuklear di Pasifik Selatan pada 1995 dan 1996.

Dr Mahathir berkata ekoran ujian-ujian itu, pihak lain akan terdorong untuk melakukannya.

Beliau berkata bahawa apabila India menjalankan ujian pertamanya pertengahan bulan lepas, "tidaklah sukar sangat untuk menduga bahawa Pakistan akan menyusul, dan memang ianya telahpun berlaku, dan saya tidak tahu siapa lagi pula akan terdorong untuk melakukannya."

Perdana Menteri juga berharap semua negara supaya mengurangkan perbelanjaan bagi memajukan senjata canggih.

Beliau berkata bahawa untuk menampung perbelanjaan itu, mereka sentiasa menjual senjata ini kepada negara-neagra miskin seperti Malaysia.

"Jika kita tidak beli, mereka kata mereka akan jual kepada jiran kita, maka kitapun kenalah beli, jika tidak jiran kita akan kekurangan daripada jira kita.

"Jadi, hidup ini dijadikan sukar oleh para saintis terkemudian ini yang mencipta senjata pengesan dan seumpamanya," katanya.

Secara berseloroh, Dr Mahathir merayu: "Tolonglah, buat saja senapang patah, itupun sudah cukup untuk membunuh ramai orang."

-- BERNAMA

MR MAI